

## BAB KETIGA

### PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DENGAN JENAYAH MURTAD DI SELANGOR BERASASKAN *MAQĀṢID SHAR'IIYYAH*

#### 3.0 Pendahuluan

Perbahasan mengenai *maqāṣid shar'iiyyah* dalam pentadbiran negara, mula dibahaskan pada masa kini.<sup>1</sup> Bab ini membincangkan pelaksanaan prinsip *maqāṣid shar'iiyyah* dalam undang-undang yang berkaitan dengan jenayah murtad di negeri Selangor. Penelitian yang dibuat akan menjurus kepada *al-hākimiyyah* iaitu kedaulatan Islam, prinsip kebebasan beragama dan dakwah kepada bukan Islam. Perbincangan diikuti dengan proses *al-tarbiyyah* yang meliputi elemen pendidikan dan pemerkasaan iman orang Islam. Seterusnya *al-wiqāyah* yang meliputi pencegahan serta perlindungan. Akhirnya *al-'uqūbah* atau hukuman yang akan menyentuh mengenai penguatkuasaan undang-undang dan hukuman.

#### 3.1 *al-Hākimiyyah*

Selangor adalah salah sebuah negeri di bawah Persekutuan Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perkara 1 (2), Perlembagaan Persekutuan. Justeru, *al-hākimiyyah* atau kedaulatan undang-undang Islam di negeri Selangor akan dipengaruhi

---

<sup>1</sup> Abdul Basit bin Abdul Rahman (2009), "Maqasid Syari'ah Sebagai Roh Dalam Pentadbiran Negara", Kertas Kerja Seminar Maqasid Syari'ah Dalam Pentadbiran Negara Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan al-Syari'ah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), pada 13 Julai 2009 di Dewan Putri Saadong I & II, Hotel Grand Riverview Kota Bharu, Kelantan.

dengan dasar beragama di peringkat persekutuan. Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

“Agama Islam adalah agama bagi persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dimana-mana bahagian persekutuan”

Peruntukan ini telah menegaskan bahawa Islam adalah agama Persekutuan. Walaubagaimanapun agama-agama lain bebas diamalkan. Tafsiran kepada Perkara 3(1), dijelaskan oleh mahkamah dalam kes *Che Omar bin Che Soh*.<sup>2</sup> Di antara keputusan penting dalam kes ini adalah kedudukan undang-undang Islam hanya terbatas kepada hal-hal kekeluargaan seperti perkahwinan, perceraian dan penjagaan anak sahaja. Oleh itu mahkamah memutuskan bahawa syariah bukan undang-undang utama persekutuan.<sup>3</sup> Malah L.A Sheriden berpendapat bahawa perkara 3 (1) hanyalah untuk memberikan ciri muslim bagi perlembagaan negara pada kulitan dan upacara sahaja.<sup>41</sup> Harding, Andrew juga berpandangan demikian.<sup>5</sup>

---

<sup>2</sup> *Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwa Raya* [1988] 2 MLJ 55.

<sup>3</sup> Salleh Abas, Ketua Hakim Negara pada masa itu, apabila memberi penghakiman telah berkata “penjajah telah membahagikan agama kepada dua jenis, satu dari segi peribadi dan satu dari segi awam. Dalam semua Perkara awam termasuk undang-undang pentadbiran dan kehakiman, mereka telah mengeneipkan Islam dan mengikut cara yang sekular. Oleh kerana itu hanya undang- undang Islam mengenai keluarga dan warisan telah dibenarkan dikenakan dan itu pun hanya kepada orang-orang Islam. Hasil dari masa penjajahan British itu, undang-undang Islam telah diasingkan dalam lingkungan yang sempit mengenai undang-undang perkahwinan, perceraian dan warisan. Inilah makna “Islam” yang dimaksudkan oleh penggubal Perlembagaan itu. Oleh kerana itu Perkara 3(1), Perlembagaan itu tidak boleh digunakan sebagai hujah untuk mengatakan hukuman mati bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya atau mana-mana kesalahan lain tidak sah kerana berlawanan dengan Islam dan oleh kerana itu berlawanan dengan Perlembagaan itu . *Che Omar bin Che Soh lwn Pendakwa Raya* [1988] 2 MLJ 55.

<sup>4</sup>L.A Sheriden, (1961), *The Federation of Malaya Constitution: Text Annotation and Commentary*, Singapura : University of Malaya Press, h. 4. L.A. Sheridan dan Hary E. Grove, (1987) *The constitution of Malaysia*, Malayan Law Journal, Singapore, h. 31.

<sup>5</sup>Harding, Andrew, (1995),*Islamic law in Malaysia*, Dalam Eugene Cotran dan Chibli Mallat (edit.), *Yearbook of Islamic and middle eastern law*, Kluwer Law International, London, Jilid. 2, hh. 62-63.

Walaupun bagaimanapun Ahmad Ibrahim<sup>6</sup> dan Hashim Yeop Sani<sup>7</sup> berpandangan bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan hendaklah ditafsirkan Islam sebagai suatu cara hidup. Aziz Bari berpandangan bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telak meletakkan Islam sebagai tunjang kepada falsafah dan ideologi negara. Oleh itu keseluruhan kadungan perlembagaan hendaklah merujuk kepada Islam<sup>8</sup>. Justeru hakim telah merujuk kepada hukum shara' dalam membicara sesuatu kes. Umpamanya di dalam kes *Hajjah Halimatussaadiah*<sup>9</sup> dan *Meor Atiqulrahman*<sup>10</sup>. Manakala di dalam kes *Lina Joy*, *Faiza Thamby Chik*, Hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seorang Islam tidak boleh menggunakan peruntukan 11(1) untuk murtad kerana ia mesti dibaca bersama dengan Perkara 3(1) dan 160(2) perlembagaan Persekutuan.<sup>11</sup>

Walaupun terdapat perbezaan pendapat mengenai tafsiran Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan, tetapi realiti perundangan Islam masih mengekalkan sistem penjajah. Hamid Jusoh berpandangan bahawa kedudukan Islam mengikut Perlembagaan Persekutuan hanyalah untuk membolehkan orang-orang Islam melaksanakan sebahagian kecil daripada tanggungjawab mereka daripada undang-undang Islam. Walhal aspek-

---

<sup>6</sup> Ahmad Ibrahim,( 1996), *Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Dalam Jurnal hukum,, 10 (2), hh. 143-144

<sup>7</sup> Hashim Yeop Sani, (t.t), *Islam dalam perlembagaan*, Kuala Lumpur:Institut Dakwah dan Latihan Islam, h. 17.

<sup>8</sup> Abdul Aziz Bari, (2005), *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication, h. 12.

<sup>9</sup> *Hjh Halimatussaadiah bte Hj Kamaruddin v Public Services Comission, Malaysia [1994] 3 MLJ 61.*

<sup>10</sup> *Meor Atiqulrahman bin Ishak (an infant, by his guardian ad litem Syed Ahmad Johari bin Syed Mohd) v Fatimah Sihi [2006] 4 MLJ 605.*

<sup>11</sup> *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan yang lain [2004] 2MLJ 119*

aspek perundangan yang lain masih lagi diletakkan pada kerangka bukan agama yang berdasarkan undang-undang England dan undang-undang ekuiti.<sup>12</sup> Tafsiran Islam seperti ini telah mencorakkan dasar beragama di seluruh di Malaysia termasuk di negeri Selangor.

### 3.1.1 Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959

Seksyen 47, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, memperuntukkan bahawa Islam adalah agama negeri.

“Agama Islam sebagaimana yang dianuti dan diamalkan dalam negeri ini hingga kini hendaklah menjadi agama negeri. Dengan syarat bahawa semua agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai oleh orang-orang yang menganutinya di mana-mana bahagian Negeri ini.”

Agama bermaksud kepercayaan kepada tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahnya.<sup>13</sup> Ia juga bermaksud hubungan seseorang dengan penciptanya, sesuatu yang menyebabkan wujudnya tanggungjawab ke atas individu itu.<sup>14</sup> Untuk menangani persoalan tanggungjawab itu maka hendaklah dirujuk kepada doktrin agama berkenaan.<sup>15</sup> Islam adalah suatu cara hidup yang syumul, meliputi kehidupan beragama dan bernegara. Sedangkn peruntukan di atas menjelaskan bahawa Islam adalah agama negeri yang dianuti dan diamalkan. Oleh itu, sewajarnya negeri

---

<sup>12</sup> Hamid Jusoh, (1991), *The position of Islamic law in the Malaysian constitution with special reference to the conversion case in family law*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 40-41.

<sup>13</sup> Noresah Baharom, (1994), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. h.12.

<sup>14</sup> Sila rujuk kes *Davis v Beason* (1889) 133 US 333.

<sup>15</sup> Sila rujuk kes *Commissioner of Hindu Religious Endowments, Madras v Sri Lakhmindra Thirta Swamiar of Sri Shirur Mutt* (1954) SCR 1005. *Adelaide Co. of Jehovah Witness Inc. V Commonwealth* (1943) 67 CLR 116, 123.

Selangor berstatus negeri Islam, yang mengamalkan sistem perundangan Islam yang lengkap.

Peruntukan di atas juga menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang didaulatkan di negeri Selangor. Roh kedaulatan Islam di dalam Undang-undang Tubuh juga dizahirkan melalui penggunaan kalimah Allah S.W.T sebanyak 4 kali sebagai puji-pujian di dalam bahagian pembukaan Undang-undang Tubuh dan sekali di dalam doa di bahagian penutup. Manakala selawat kepada Rasulullah S.A.W juga disebut di dalam bahagian pembukaan dan penutup Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Kekuatan pengaruh Islam dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 1959, dinyatakan dalam peruntukan undang-undang di bawah :

**Jadual 3.1 : Senarai Peruntukan yang Berkaitan dengan Islam dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.**

Bil	Jenis	Seksyen	Perkara
1.	Islam	4	Tafsiran Orang Tua-Tua antaranya seorang yang beragama Islam.
		5	Syarat waris Sultan hendaklah beragama Islam.
		8	Syarat pengganti Sultan hendaklah beragama Islam
		9	Pemangku Raja dan Jemaah Pemangku Raja hendaklah beragama Islam.
		16	Waris hendaklah beragama Islam
		22	Wakil Sultan dalam Majlis Raja-Raja mestilah beragama Islam
		24A	Lafaz sumpah Dewan Diraja hendaklah mengikut agama Islam
		41	Pelantikan konsort Sultan hendaklah melalui perkahwinan yang sah mengikut agama Islam, berdarah raja Melayu dan beragama Islam.
		44	Pelantikan konsort Raja Muda hendaklah beragama Islam.
		47	Islam agama negeri.
		48(1)	Sultan Ketua Agama Negeri
		48 (2)	Sultan tetap Ketua Agama Negeri walaupun menjadi YDPA
		48 (3)	Apabila Sultan menjadi YDPA baginda hendaklah mengikut peruntukan perlembagaan persekutuan.
		51 (2)	Seorang Menteri Besar mesti beragama Islam
		52 (2)(a)	Seorang Setiausaha Kerajaan Negeri mesti beragama Islam
		55 (2) (d)	DYMM boleh bertindak menurut budi bicaranya dalam melaksanakan apa-apa fungsi sebagai Ketua Agama Islam Negeri.
86 (3)	Zakat, Fitrah, Baitul Mal dan hasil agama Islam lain tidak termasuk di dalam penyata tahunan.		

### Jadual 3.1, sambungan.

2.	Majlis Agama Islam	24	Pengerusi MAIS dan salah seorang ahli MAIS menjadi ahli Dewan Diraja
		48(1)	Penubuhan MAIS
3.	Mufti	24	Mufti dilantik sebagai Ahli Dewan Diraja
4.	Perkataan ALLAH S.W.T (Nama-Nama Allah S.W.T)	Mukadimah	Diulang 4 kali sebagai puji-pujian dalam mukadimah Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959
		93	Cogan Kata Negeri "Dipelihara Allah S.W.T"
		Penutup	Doa semoga Allah S.W.T melimpahkan rahmat ke atas negeri Selangor
5.	Selawat kepada Rasulullah S.A.W	Mukadimah	Puji-Pujian kepada Rasulullah S.A.W kaum kerabat dan sahabat-sahabat baginda
		Penutup	Doa semoga Rasulullah memberkati bahagian-bahagian yang ada dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959
6.	Hukum Syarak	4	Hukum syarak ertinya korpus (himpunan makalah) undang-undang yang dikenali sebagai <i>Muhammadan Law</i> dalam bahasa Inggeris.
		6	Hilang kelayakan menjadi Sultan apabila mengikut hukum syarak ia tidak layak menjadi Sultan.
		13	Hilang kelayakan menjadi Sultan apabila ciri-ciri yang ada berlawanan dengan hukum syarak
		30	Kelayakan Sultan mestilah bertepatan dengan hukum syarak.

Sumber: Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Berdasarkan Jadual 3.1 di atas jelas menunjukkan bahawa Sultan adalah Ketua Agama Islam di Negeri Selangor dan juga ketua Eksekutif atau pemerintah di negeri Selangor.<sup>16</sup> Kedudukan ini sama seperti di zaman Rasulullah S.A.W di mana baginda adalah ketua agama dan ketua negara.<sup>17</sup> Sebagai Ketua Agama Islam dan Ketua Eksekutif maka Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 telah meletakkan kedudukan Sultan sebagai penjaga kepada agama Islam. Ini kerana sebagai seorang muslim, semestinya Sultan melaksanakan ajaran Islam sepenuhnya dan memelihara kesucian Islam. Begitu juga dengan syarat untuk menjadi Sultan mestilah seorang yang beragama Islam dan jika ada perkara yang berlawanan dengan hukum syarak atau Sultan murtad, ini boleh menyebabkan Sultan hilang kelayakan sebagai Sultan. Syarat Islam juga dinyatakan dengan jelas kepada Permaisuri Sultan, Raja Muda, Permaisuri Raja Muda, Pemangku Raja, Jemaah Pemangku Raja, Wakil Sultan di Mesyuarat Majlis Raja-Raja,

<sup>16</sup> Perkara 50, Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959.

<sup>17</sup> Thomas Arnold (1965), *The Caliphate*, London: Routledge and Kegan Paul, h. 3.

waris-waris dan orang tua-tua. Oleh itu, jika mereka murtad maka mereka akan kehilangan kedudukan yang diperuntukkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Begitu juga dengan Menteri Besar dan Setiusaha Kerajaan Negeri dikehendaki seorang beragama Islam.

Kepentingan Islam terus dipertegaskan oleh Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 apabila lafaz sumpah jawatan untuk menyanggah semua jawatan di atas hendaklah menggunakan lafaz sumpah menurut agama Islam bagi mengikat hati orang yang mengangkat sumpah. Oleh itu jelas sekali bahawa kepentingan Islam dipelihara oleh Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dengan meletakkan syarat Islam bagi semua jawatan penting di negeri Selangor. Peruntukan ini bukan sahaja menjaga kepentingan ketuanan Melayu kerana orang Melayu beragama Islam, tetapi yang paling penting adalah kedaulatan Islam.

Berdasarkan analogi di atas, sepatutnya tiada dasar dan undang-undang yang akan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri melainkan bertepatan dengan Islam. Ini kerana Sultan sebagai Ketua Eksekutif Negeri dan Ketua Agama Islam sewajarnya meminta pandangan dari Dewan Diraja jika timbul keraguan mengenai undang-undang dan dasar yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Semua ahli Dewan Diraja beragama Islam dan di antara ahlinya ialah Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan mufti<sup>18</sup>.

---

<sup>18</sup> Perkara 24, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Justeru, sewajarnya Dewan Diraja menasihati Sultan untuk memastikan kepentingan Islam dipelihara bagi setiap dasar dan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.<sup>19</sup> Begitu juga dengan nasihat yang diberikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri kepada Sultan,<sup>20</sup> ia juga perlu bertepatan dengan hukum syarak, bagi memastikan Sultan melaksanakan peranannya sebagai Ketua Agama Negeri. Kedudukan ini semakin jelas apabila cogan kata negeri juga menyatakan "*Dipelihara Allah S.W.T*".<sup>21</sup> Bagaimana negeri Selangor akan dipelihara Allah S.W.T jika dasar dan undang-undangnya bersalahan dengan kehendak Allah S.W.T.

Perkara 4, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, memperuntukkan bahawa hukum syarak dijelaskan sebagai korpus (himpunan makalah) undang-undang yang dikenali sebagai *Muhammadan Law*. Korpus Undang-undang adalah satu kenyataan yang amat umum dan apabila disandar kepada kalimah syarak, ia menjadi Korpus Undang-undang Syarak, maka ia membawa maksud syariat Islam keseluruhannya. Justeru tidak hairanlah kenapa di bahagian penutup Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 ada dinyatakan doa semoga Rasulullah S.A.W memberkati bahagian-bahagian yang ada dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Ini bermakna undang-undang menghendaki supaya perjalanan pentadbiran negeri Selangor mematuhi kehendak Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. Jika tidak, mengapakah kenyataan ini dimasukkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 ?

---

<sup>19</sup> Perkara 23, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

<sup>20</sup> Perkara 55, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

<sup>21</sup> Perkara 93, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.



Jelasnya, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 telah meletakkan kedudukan Islam di kedudukan yang amat tinggi. Namun, selepas kemerdekaan selama 53 tahun, kedudukan Islam di negeri Selangor masih dipersoalkan. Ini kerana kehidupan sosial masyarakat Islam di negeri Selangor yang sekular dan sistem ekonominya masih lagi mengikut sistem kapitalis. Negeri Selangor sehingga hari ini masih tidak memiliki undang-undang murtad sedangkan jenayah murtad telah berlaku walaupun Islam mempunyai kedudukan yang amat istimewa dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

### **3.1.2 Kebebasan Beragama**

Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan kepada agama - agama lain untuk diamalkan di Malaysia.<sup>22</sup> Persetujuan ini dicapai di dalam perundingan antara Kerajaan British, Raja-Raja Melayu dan Parti Perikatan. Oleh itu Suruhanjaya Reid mengatakan:

“169. Kami telah menimbang sama ada perlu diadakan kenyataan di dalam perlembagaan yang bermaksud bahwa Islam adalah agama negeri. Telah tercapai persetujuan dari semua bahawa jika peruntukan seperti ini diadakan hendaklah dijelaskan bahwa ia tidak akan menjejaskan hak-hak sivil orang-orang bukan Islam.”<sup>23</sup>

Oleh itu semua agama yang ada di Malaysia dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk menguruskan hal ehwal agama masing-masing, menubuh dan

---

<sup>22</sup> Perkara 3 (1) dan Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan .

<sup>23</sup> No 330, HMSO 1957, Colonial Office, *Report of Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*, London; HMSO, Cmd, 210, 1957. Colonial Office, *Constitutional Proposals for the Federation of Malaya*, London .

meyelenggara yayasan-yayasan, memperoleh dan mempunyai harta.<sup>24</sup> Namun demikian orang bukan Islam tidak dibenarkan menyebarkan dakwahnya kepada orang Islam.<sup>25</sup> Perlembagaan juga menegaskan bahawa kebebasan ini tidaklah sehingga boleh menimbulkan gangguan kepada ketenteraman awam, kesihatan awam, dan akhlak.

Perkara 47, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 juga menjamin kebebasan beragama. Walaupun Islam dinobatkan sebagai agama negeri tetapi undang-undang ini meletakkan syarat supaya agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Syarat ini secara tidak langsung menimbulkan persoalan, adakah apabila agama-agama lain tidak mendapat kebebasan beragama maka akan hilang kedudukan agama Islam sebagai agama negeri? Namun undang-undang tidak menyatakan demikian. Oleh itu kenyataan ini adalah sebagai tanda ketegasan undang-undang untuk menjamin kebebasan agama-agama lain untuk dianuti di negeri Selangor. Walaubagaimanapun kebebasan beragama bukanlah bermakna kebebasan untuk melakukan jenayah murtad. Hakikat ini boleh dirujuk dalam beberapa kes Mahkamah.<sup>26</sup>

Isu kebebasan beragama juga disentuh dalam Deklarasi Pengisytiharan Hak Asasi Manusia (PHAM) 1948.<sup>27</sup> Perkara 16 (1) PHAM memperuntukkan bahawa:

---

<sup>24</sup> Perkara 11(3), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>25</sup> Perkara 11 (4), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>26</sup> *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan lwn Hun Mun Meng* [1992] 2 MLJ 676; *Soon Singh lwn Pertubuhan Kebajikan Malaysia (PERKIM) Kedah dan Sorang lagi* [1994] 1 MLJ 690; *Daud Bin Mamat & Lain-Lain lwn Majlis Agama Islam & sorang Lagi* [2001] 2 MLJ 390; *Kamariah Binti Ali dan Lain-Lain lwn Negeri Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi* [2004] 3 CLJ 410; *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan yang lain*[2007] CLJ JT (1) (Mahkamah Persekutuan).

<sup>27</sup> Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan pada 24 Oktober 1945 telah meluluskan satu perisytiharan hak asasi manusia yang dinamakan *The Universal Declaration of Human Rights* atau UDHR. UDHR telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung PBB dengan Resolusi A/RES/217 pada 10 Disember 1948 di *Palais de Chaillot*, Paris, Perancis. UDHR mengandungi 30 perkara yang menggariskan pandangan

*“Men and women of full age, without any limitation due to race, nationality or religion, have the right to marry and to found a family. They are entitled to equal rights as to marriage, during marriage and at its dissolution”.*

Manakala peruntukan Perkara 18 PHAM 1948 menyatakan,

*“Everyone has the right to freedom of thought, conscience and religion; this right includes freedom to change his religion or belief, and freedom, either alone or in community with others and in public or private, to manifest his religion or belief in teaching, practice, worship and observance”.*

Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Dalam Islam 1981<sup>28</sup> pula menegaskan:

*“XII Right to Freedom of Belief, Thought and Speech”*

*a) Every person has the right to express his thoughts and beliefs so long as he remains within the limits prescribed by the Law. No one, however, is entitled to disseminate falsehood or to circulate reports which may outrage public decency, or to indulge in slander, innuendo or to cast defamatory aspersions on other persons*

*e) No one shall hold in contempt or ridicule the religious beliefs of others or incite public hostility against them; respect for the religious feelings of others is obligatory on all Muslims*

*“XIII Right to Freedom of Religion”*

*Every person has the right to freedom of conscience and worship in accordance with his religious beliefs”*

Justeru Kumpulan Perkara 11<sup>29</sup> telah menuntut isu kebebasan murtad melalui

Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan berikutan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah

Tinggi Shar’iyyah dalam kes Allahyarham Mohamed Abdullah @ Moorthy, S. Shamala

---

PBB (dibaca: pihak yang menang Perang Dunia II) sebagai hak-hak manusia sejagat. Syaari Sungib (2007), “Pengisytiharan Hak Asasi Manusia: Islam Dan Barat”, Kerta Kerja Seminar Nasional Hak Asasi Manusia & Hak Wanita Dalam Islam anjuran Jemaah Islah Malaysia, pada 26 – 27 Mei 2007 di PWTC, Kuala Lumpur.

<sup>28</sup> Salem Azzam (*Secretary General*) OIC, *Universal Islamic Declaration of Human Rights*, Paris, <http://www.alhewar.com/ISLAMDECL.html>, akses pada 5 Mei 2009.

<sup>29</sup> Kumpulan Perkara 11 yang terdiri daripada 13 Badan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk Majlis Peguam Malaysia.

dan Nyonya Tahir. Kumpulan ini juga cuba mencabar undang-undang syariah dengan meminta bidang kuasa Mahkamah Syariah yang termaktub di bawah Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dipinda atau dihapuskan.<sup>30</sup> Begitu juga dengan usaha penubuhan Suruhanjaya Perundangan Agama yang mana Prof. Madya Dr. Kamar Oniah Kamaruzaman menjelaskan bahawa penubuhan Suruhanjaya Perundangan Agama oleh Jawatankuasa Kecil Hak Asasi (JHA) Majlis Peguam bukanlah untuk berunding tentang penubuhan Majlis Perundangan Agama, tetapi adalah untuk memperjuangkan hak murtad.<sup>31</sup>

Perbincangan di atas menjelaskan bahawa isu kebebasan beragama di Malaysia amnya dan di negeri Selangor khususnya, masih menjadi polemik undang-undang. Walaupun kes Lina Joy telah menjadi rujukan utama bahawa jenayah murtad adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah tetapi masih kedengaran isu-isu lain yang amat sensitif seperti pemelukan agama Islam bagi pasangan bukan Islam, pemelukan Islam bagi anak-anak dari pasangan yang memeluk Islam, bacaan doa dalam majlis rasmi kerajaan tidak mendapat persetujuan dari agama-agama lain, tuntutan penubuhan Jabatan Kemajuan Agama-Agama Lain di Malaysia (JAKAM),<sup>32</sup> penggunaan kalimah Allah S.W.T,<sup>33</sup> pembinaan rumah ibadat bukan Islam,<sup>34</sup> dan penubuhan Suruhanjaya Antara

---

<sup>30</sup><http://www.al-nidaa.com.my/upload/File/KUMPULAN%20PERKARA%2011.doc>, akses pada 1 Mei 2009.

<sup>31</sup>Pengerusi JHA pada masa itu adalah Mr. Cecil Rajendra.  
<http://myIslamnetwork.net/component/content/article/3-temubual/18-temubual-bersama-prof-madya-dr-kamar-oniah-kamaruzaman.html>, akses pada 1 Mei 2009.

<sup>32</sup>YB Loh Seng Kok, Ahli Parlimen Kaw. Kelana Jaya (P104) Menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan SPB Yang Dipertuan Agong XII Di Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Dewan Rakyat, Parlimen Kesebelas, 14 & 15-3-2006.

<sup>33</sup> Pada 18 Mac 2009, Encik Murphy Pakiam, Paderi Roman Katolik di Kuala Lumpur telah memfailkan permohonan semakan kehakiman (judicial review) ke atas Menteri Dalam Negeri dan Negeri Malaysia

Agama<sup>35</sup>. Oleh itu langkah pro aktif hendaklah diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini.

### **3.1.3 Dakwah Kepada Bukan Islam**

Islam adalah agama persekutuan. Oleh itu ia telah diberikan hak oleh Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan aktiviti dakwah berbanding dengan agama lain. Perkara ini dinyatakan di dalam Perkara 12 (2), Perlembagaan Persekutuan, iaitu :

“Tetapi adalah sah bagi bagi persekutuan atau sesuatu negeri menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan, atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlu bagi maksud itu.”

Peruntukan ini memberi hak eksklusif kepada kerajaan persekutuan dan negeri untuk menggerakkan aktiviti dakwah Islamiah dengan menggunakan peruntukan kerajaan persekutuan atau negeri melalui agensi-agensi Islam yang ditubuhkan diperingkat persekutuan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) dan pertubuhan-pertubuhan Islam di kalangan badan bukan kerajaan

---

kerana memutuskan melarang akhbar *The Herald* dari menggunakan kalimah Allah S.W.T di dalam penerbitan edisi bahasa Malaysia. *Harakahdaily*, 4 Januari 2010.

<sup>34</sup> Majlis Negara bagi Negeri Tempatan telah meluluskan Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Semenanjung Malaysia (Piawaian Perancangan JPBD 4/2000). Oleh itu peruntukan tempat dan penyediaan ruang ibadat bukan Islam hendaklah ditepati dan dipenuhi, berdasarkan kepada prinsip Perancangan Tempat Ibadat Bukan Islam, Lokasi Perletakan, Nisbah Kepadatan dan sebagainya. *Ibid*, 2 April 2000.

<sup>35</sup> Dicadangkan oleh *Malaysian Consultative Council Of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS) atau pun Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh melalui memorandumnya kepada Majlis Peguam bertarikh 21 Ogos 2001.

serta di peringkat negeri melalui MAIS, Jabatan Agama Islam (JAIS) dan pertubuhan-pertubuhan Islam di kalangan badan bukan kerajaan.

Bagi orang bukan Islam, walaupun mereka dibenarkan untuk mengamalkan adat istiadat dan upacara agama masing-masing tetapi mereka dilarang untuk menyebarkan dakwah agama mereka kepada orang Islam.<sup>36</sup> Namun demikian, kebebasan mengamalkan dan menyebarkan agama Islam di Malaysia dihadkan sehingga tidak menimbulkan ancaman keselamatan kepada negara.<sup>37</sup> Peruntukan ini sebenarnya tidak memberi kesan apa-apa kepada agama Islam kerana tabiat Islam itu sendiri menjamin keselamatan orang Islam dan bukan Islam. Justeru peruntukan 11(5), Perlembagaan Persekutuan ini dilihat dalam konteks hubungan antara Islam dan bukan Islam. Begitu juga sebaliknya. Oleh itu ia bersesuaian dengan kehendak *maqāsid shar'iyah* yang menekankan aspek kepentingan awam dan menolak kemudaratan.

Merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen ini), didapati bahawa tidak diperuntukkan dengan jelas supaya MAIS bertanggungjawab menjaga kesucian Islam, memastikan Islam diamalkan dan menyebarkan ajaran Islam. Sedangkan, itulah semangat yang diketengahkan dalam Perkara 12 (2), Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 48, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, iaitu mengawal selia hal ehwal Islam dan menasihati Sultan berkenaan agama negeri iaitu Islam. Perkataan “mengawalselia hal ehwal Islam” bersamaan dengan maksud *ḥifẓ al-dīn* dalam *maqāsid shar'iyah*. Sepatutnya, Enakmen

---

<sup>36</sup> Perkara 11(4), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>37</sup> Perkara 11(5), Perlembagaan Persekutuan.

ini menjelaskan bahawa MAIS berperanan untuk memastikan perkara *dharūriyyat* dalam Islam iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta dapat dicapai. Tetapi seksyen yang ada hanya menekankan aspek harta sahaja dan empat aspek yang lain dirangkumkan dalam satu ayat iaitu kemajuan sosial masyarakat Islam.

Seksyen 7, Enakmen ini menjelaskan kewajipan MAIS untuk menggalak, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Selangor, tetapi peruntukan ini tidak menjelaskan bahawa MAIS berkewajipan menjaga kesucian Islam dan menyebarkan Islam kepada orang bukan Islam sedangkan Perlembagaan Malaysia membenarkannya. Walaupun seksyen ini menyatakan juga mengenai “kemajuan sosial masyarakat Islam”, namun, ia tidak dijelaskan dalam seksyen yang lain seperti kemajuan ekonomi. Terdapat 6 seksyen yang menjelaskan peranan MAIS sebagai badan korporat, iaitu :

**Jadual 3.2 : Seksyen-seksyen yang Menjelaskan MAIS Boleh Menjadi Badan Perniagaan.**

Bil.	Seksyen	Perkara
1	Seksyen 4 (4)	Harta alih dan tak alih yang dbawah tanggungan Majlis sebelum ini kekal, setelah enakmen baru dikuatkuasakan.
2.	Seksyen 5	MAIS adalah sebuah perbadanan yang boleh didakwa dan mendakwa, membuat kontrak, membeli, mengambil, memegang dan menikmati segala jenis harta serta sebagai wasi.
3.	Seksyen 7	Kewajipan Majlis untuk memajukan ekonomi dan sosial masyarakat Islam
4.	Seksyen 8	Menubuhkan perbadanan untuk mengendalikan perniagaan
5.	Seksyen 9	Kuasa untuk menubuhkan syarikat
6.	Seksyen 10	Meminjam wang untuk menjalankan fungsi Majlis

Sumber: Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

Sedangkan perkataan sosial lebih kepada kehidupan seharian yang melibatkan pergaulan dan pertubuhan masyarakat Islam.<sup>38</sup>

<sup>38</sup>Perkataan sosial berasal dari bahasa Inggeris, iaitu *social*. Sila rujuk Longman Dictionary of Contemporary English. England:Pearson Education Limited, 2003, h.1570.

Pendapat yang menyatakan bahawa seksyen ini adalah asas kepada kewajipan MAIS melaksanakan kerja dakwah<sup>39</sup> pada dasarnya boleh diterima, tetapi sewajarnya Enakmen ini menyatakan dengan lebih jelas peranan MAIS sebagai badan yang melindungi kesucian agama Islam dan kemajuan masyarakat Islam. Namun peruntukan undang-undang yang ada lebih menjelaskan wajah MAIS sebagai sebuah badan korporat berbanding sebagai sebuah institusi tertinggi dalam hal ehwal Islam selepas Sultan.

Kepentingan dakwah kepada bukan Islam boleh dilihat dalam statistik penduduk negeri Selangor tahun 2000. Data yang ada menunjukkan bahawa aktiviti dakwah di kalangan penganut agama kristian lebih berjaya berbanding aktiviti dakwah orang Islam. Sedangkan dakwah Islamiah dibiayai oleh kerajaan, dana zakat dan derma orang ramai. Buktinya seramai 99,225 (8.1%) orang Cina menganut agama Kristian berbanding dengan orang Cina yang memeluk Islam iaitu hanya seramai 17,246(1.4%) orang. Begitu juga dengan kaum India beragama Kristian seramai 48,188 (8.2%) orang berbanding dengan kaum India beragama Islam seramai 22,630 (3.7%) orang. Malah ramai juga di kalangan masyarakat orang asli memeluk agama Kristian iaitu seramai 14,125 (25.56%) orang.<sup>40</sup> Tetapi statistik menunjukkan bahawa jumlah penganut Islam meningkat pada tahun 2000 berbanding bancian tahun 1991 iaitu dari 58.6% kepada 60.4%.<sup>41</sup> Dapatan ini menimbulkan tanda tanya. Mengapa orang bukan Islam lebih tertarik dengan agama Kristian berbanding Islam sedangkan Islam lebih dahulu bertapak di Malaysia. Kristian

---

<sup>39</sup> Anuar Hamzah Tohar, Ketua Pen. Setiausaha, Bahagian Riqab, Majlis Agama Islam Selangor, Temubual pada 18 Februari 2010.

<sup>40</sup> Shaari Bin Abdul Rahman (2001), *Taburan Penduduk Dan Ciri-Ciri Asas Demografi, Bancian Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2000*, Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 82.

<sup>41</sup> Walaubagaimanapun bancian tidak menyatakan bahawa peningkatan ini disebabkan pemelukan agama Islam atau kerana peningkatan kelahiran di kalangan orang Islam atau penurunan kematian dikalangan orang Islam. *Ibid*, h. viii.



dibawa oleh Inggeris pada abad yang ke 18, iaitu semasa Inggeris menakluk Pulau Pinang pada 1786.

**Jadual 3.3 : Jumlah Penduduk Mengikut Etnik dan Agama di Negeri Selangor Tahun 2000.**<sup>42</sup>

Agama	Jumlah	Warganegara Malaysia							Bukan Warga negara
		Warganegara Malaysia	Bumiputra	Melayu	Bumi-putera lain	Cina	India	Lain-Lain	
Jumlah	4,188,876	4,002,440	2,142,435	2,087,173	55,262	1,230,271	585,368	44,366	186,436
<b>Islam</b>	<b>2,331,876</b>	<b>2,177,948</b>	<b>2,106,814</b>	<b>2,087,173</b>	<b>19,641</b>	<b>17,246</b>	<b>22,630</b>	<b>31,258</b>	<b>153,928</b>
Kristian	179,475	169,381	14,125	-	14,125	99,225	48,188	7,843	10,094
Hindu	506,469	498,274	777	-	777	4,977	491,603	917	8,195
Buddha	1,020,342	1,011,169	1,478	-	1,478	999,748	6,639	3,304	9,173
Confucious	82,947	82,366	104	-	104	81,870	267	125	581
Agama Suku Kaum	12,110	12,065	11,591	-	11,591	209	236	29	45
Lain-lain	15,634	14,872	693	-	693	2,308	11,590	281	762
Tiada Agama	21,876	20,278	5,295	-	5,295	14,542	210	231	1,598
Tidak di ketahui	18,147	16,087	1,558	-	1,558	10,146	4,005	378	20,60

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Justeru perbandingan yang ketara ini sewajarnya menjadi perhatian MAIS untuk membuat penyelidikan dan melakukan penstrukturan semula kepada dasar, jentera dan program dakwah supaya lebih berkesan. Tambahan pula, masalah ini melibatkan seluruh negeri di Malaysia. Penelitian yang dibuat menunjukkan bahawa jumlah penganut agama Kristian di kalangan orang Cina dan India lebih tinggi berbanding yang menganut agama Islam di semua negeri di Malaysia.<sup>43</sup>

Di samping itu, ia menjadi petunjuk yang jelas bahawa gerakan dakwah di negeri Selangor dan negeri-negeri yang lain hendaklah digerakkan secara maksimum kerana jumlah sasaran dakwah yang begitu tinggi. Atas dasar ini maka MAIS telah menubuhkan

<sup>42</sup> *op.cit.*

<sup>43</sup> *Ibid*, hh. 70-85.

Bahagian Pembangunan Insan dan di dalamnya diwujudkan unit global yang berperanan untuk menyampaikan risalah Islam kepada bukan Islam. Unit ini dibahagikan kepada dua seksyen iaitu Unit Pengkaderan Dakwah yang bertanggungjawab melatih para pendakwah untuk mendekati bukan Islam. Semasa kajian ini dibuat, seramai 230 orang kader dakwah di kalangan bangsa Cina dan India Islam berjaya dilahirkan.

Kedua, Unit Kefahaman Islam. Unit ini berperanan untuk mengadakan pelbagai program mendekati bukan Islam seperti membuka kaunter pertanyaan di tempat awam, mengadakan kelas kefahaman Islam untuk bukan Islam, memberi penjelasan mengenai Islam kepada pelancong asing, mengadakan program ziarah dakwah ke kawasan estet, menganjurkan lawatan harmoni ke pertubuhan bukan Islam dan menyediakan bahan terbitan dakwah untuk orang bukan Islam.<sup>44</sup> Dapatan yang menarik dari program ini ialah 80% orang bukan Islam yang ditemui amat berminat untuk mengetahui Islam dengan lebih lanjut.<sup>45</sup> Pihak MAIS dan JAIS telah menyelaraskan gerakan dakwah melalui Pelan Induk Dakwah Negeri Selangor bagi tahun 2008 – 2010. Justeru MAIS menumpukan gerakan dakwah kepada bukan Islam dan islah kepada para muallaf. Manakala JAIS menumpukan gerakan memperkasakan keimanan kepada masyarakat Islam.<sup>46</sup> Perkembangan ini amat signifikan dengan kehendak konsep *ḥifẓ al-dīn* dalam *maqāṣid shar'iyah*.

---

<sup>44</sup> Kertas Cadangan Sasaran Kerja Tahunan Tahun 2010, Unit Dakwah Global Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor.

<sup>45</sup> Mohd Makhi Bin Adnan, Ketua Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS. Temubual pada 7 Disember 2009.

<sup>46</sup> Buletin MAIS, Bil. 11, Jun 2008/Jamadil Akhir 1429, Bahagian Perhubungan Awam MAIS, Shah Alam, h. 6.

### **3.1.4 Pemeluk Islam**

Merujuk kepada Seksyen 108 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, seseorang memeluk Islam dan menjadi Islam apabila dia selesai mengucap dua kalimah syahadah seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 107. Bagi memenuhi keperluan seksyen 107 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, maka seseorang yang hendak memeluk Islam mesti melafazkan ucapan dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab dan memahami makna apa yang diucapkan, secara sukarela. Tatacara memeluk Islam dijelaskan di dalam fasal 17 hingga 20 Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran Muallaf (Selangor) 2009. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa niat seseorang yang memeluk Islam tidak menjadi syarat pengislaman diterima. Manakala amal ibadah adalah bukti keimanan seseorang. Jika mereka mengabaikan amal ibadah maka ia melakukan kesalahan tetapi tidak membatalkan keislamannya. Oleh itu selepas seseorang memeluk Islam dan kembali mengamalkan sembah agama asalnya maka ia dikategorikan sebagai melakukan jenayah murtad.

Namun demikian, adalah wajar pihak berkuasa menyediakan khidmat kaunseling sebelum seseorang memeluk Islam agar dia benar-benar bersedia memeluk Islam seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 17 Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran Muallaf (Selangor) 2009. Oleh itu tidak timbul soal pemeluk Islam secara

paksaan<sup>47</sup> atau kekal dengan agama asal selepas mengucap dua kalimah syahadah kerana mereka beranggapan mengucap dua kalimah syahadah sekadar prosedur untuk berkahwin atau untuk mendapatkan sesuatu perkara yang mereka pohon tanpa mengetahui implikasinya.

Berasaskan perbincangan di atas, peruntukan yang ada didapati tidak menyalahi hukum syarak dan bersesuaian dengan konsep *ḥifẓ al-din* di dalam *maqāṣid shar'īyyah*. Walaubagaimanapun beberapa penambahbaikan perlu diambil bagi memastikan gejala jenayah murtad selepas memeluk Islam tidak berleluasa. Antaranya ialah mengeluarkan kad pemelukan agama Islam dengan segera sebagai bukti keislamannya. Begitu juga dengan pindaan butiran pada kad pengenalan dan meningkatkan kualiti kursus fardhu ain kepada para muallaf.<sup>48</sup>

### **3.2 *al-Tarbiyyah***

Kedudukan Islam yang amat istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan telah memberikan peruntukan yang eksklusif kepada pendidikan Islam. Perkara 12(2), Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa kerajaan persekutuan dan negeri boleh menyediakan peruntukan kewangan bagi menubuh dan menyelenggara institusi pendidikan Islam atau membantu mengadakan pengajian agama Islam dan

---

<sup>47</sup> Sathia Seelan a/l Arumugam, pekerja kilang Toshiba, Telok Panglima Garang Selangor. Temubual pada 2 April 2010. Beliau masuk Islam kerana memenuhi kehendak bapa mertuanya semata-mata pada tahun 2007 dan akhirnya murtad pada tahun 2009.

<sup>48</sup> Abdul Rahman Siva Abdullah (Pembantu Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat), temubual dibuat pada 20 Februari 2010.

membayai perbelanjaan sebagaimana yang diperlukan bagi maksud itu. Oleh itu falsafah pendidikan di Malaysia meletakkan asas ketuhanan yang amat kukuh iaitu :

“Suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Petikan di atas menunjukkan bahawa falsafah pendidikan negara Malaysia mendokong pendidikan berteraskan kepada ketuhanan.

Falsafah pendidikan negara juga selari dengan rukun negara yang menegaskan mengenai “Kepercayaan kepada Tuhan”. Persoalannya tuhan manakah yang diiktiraf oleh undang-undang negara? Merujuk kepada Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan jelas menunjukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan Malaysia. Oleh itu secara rasmi tuhan orang Islam adalah tuhan yang diterima oleh Perlembagaan Malaysia. Dan tuhan orang Islam adalah Allah S.W.T kerana Allah S.W.T yang menurunkan Islam. Justeru pendidikan di Malaysia hendaklah berteraskan kepada ajaran Allah S.W.T iaitu Islam. Semangat dari falsafah ini sewajarnya menjadikan sistem pendidikan Islam sebagai teras kepada pendidikan nasional dan bukan sebagai satu mata pelajaran sahaja.

Oleh itu semua penganut pelbagai agama hendaklah merasakan kehadiran tuhan dalam proses pendidikan di sekolah. Kesannya orang Islam akan semakin mengenali dan meyakini kewujudan Allah S.W.T, manakala orang bukan Islam akan terdedah kepada pencarian tuhan sebenar berdasarkan kebenaran ilmu yang mereka perolehi. Ini

bermakna falsafah pendidikan negara telah meletakkan asas untuk memperkasa iman orang Islam dan membuka ruang kepada orang bukan Islam untuk memahami hakikat sebenar ketuhanan iaitu Allah S.W.T yang Maha Esa. Kedudukan ini telah meletakkan falsafah pendidikan di Malaysia bertepatan dengan konsep *ḥifẓ al-dīn* dalam *maqāṣid shar'iyah*.

Manakala Seksyen 50 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) memperuntukkan bahawa setiap sekolah yang memiliki lima orang pelajar Islam hendaklah menyediakan guru untuk mengajar mata pelajaran Agama Islam, sekurang-kurangnya 2 jam seminggu.<sup>49</sup> Malah seksyen 52 Akta ini menyatakan bahawa peruntukan kerajaan boleh disalurkan kepada institusi pendidikan Islam. Dan seksyen 51 Akta ini juga menjelaskan bahawa pelajar bukan Islam boleh mempelajari agama mereka sahaja tetapi tidak akan dibiayai oleh peruntukan kerajaan. Peruntukan ini menjelaskan bahawa Akta Pendidikan juga memberikan kedudukan yang amat istimewa kepada pendidikan Islam di Malaysia, sesuai dengan Islam sebagai agama persekutuan. Justeru kerajaan telah memperkenalkan program j-QAF (Jawi, al Quran, Bahasa Arab dan Fardhu 'Ain) mulai tahun 2005.<sup>50</sup>

Di negeri Selangor, MAIS boleh menubuh dan menyelenggara sekolah agama berdasarkan peruntukan seksyen 7 (2) (f) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Manakala seksyen 120 Enakmen yang sama telah memperuntukkan

---

<sup>49</sup> Jadual 11, Peruntukan Waktu Minimum Seminggu Sekolah Rendah (minit), Jadual 13 Peruntukan Waktu Minimum Seminggu Peringkat Menengah Rendah (40 Minit Suatu Waktu), Jadual 14 Peruntukan Waktu Minimum Seminggu Peringkat Menengah Atas (40 Minit Suatu Waktu) dan Jadual 15 Peruntukan waktu minimum Seminggu peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ Tingkatan Enam (40 Minit Suatu Waktu), Peraturan – Peraturan Pendidikan (kurikulum) Kebangsaan 1997.

<sup>50</sup> Sila rujuk Kertas Panduan Dasar dan Pelaksanaan j-QAF, Kementerian Pelajaran Malaysia.

bahawa MAIS boleh mendaftarkan penubuhan sekolah agama di negeri Selangor. Perincian proses penubuhan dan pendaftaran sekolah agama Islam di negeri Selangor adalah berdasarkan kepada Enakmen Pengawalan Sekolah Sekolah Agama Islam 1988. Sebagai perbandingan, jumlah pelajar Islam di Sekolah Kebangsaan di negeri Selangor pada tahun 2009 ialah seramai 317,052 orang dan pelajar di sekolah agama JAIS ialah seramai 213,965 orang. Oleh itu didapati hanya 67.5% sahaja pelajar Islam yang mengikuti pengajian di sekolah-sekolah agama<sup>51</sup>. Bakinya iaitu seramai 103,087 orang murid, bersamaan 32.5% tidak mengikuti pengajian agama di sekolah agama JAIS.

Peratus ini akan semakin mengecil di peringkat sekolah menengah kerana jumlah sekolah menengah agama di negeri Selangor hanya ada 25 buah sahaja dan sekolah menengah agama swasta sebanyak 14 buah. Sekolah menengah agama JAIS hanya mampu menempatkan pelajar seramai 15,975 orang sahaja.<sup>52</sup> Jumlah ini sebenarnya terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah remaja Islam yang berumur antara 15-19 tahun di negeri Selangor. Umpamanya pada tahun 2009 terdapat 247,630 orang remaja di negeri Selangor.<sup>53</sup> Justeru pendidikan Islam di negeri Selangor amat bergantung kepada pendidikan mata pelajaran tersebut di sekolah menengah biasa. Oleh itu, MAIS perlu bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memastikan keberkesanan pendidikan Islam di sekolah-sekolah kerajaan.

---

<sup>51</sup> Mohd Rabeh Abdullah (Penolong Pengarah Kanan, Unit Naziran, Bahagian Pendidikan Islam JAIS), temubual dibuat pada 25 Februari 2010.

<sup>52</sup> Bilangan Sekolah Agama dan Jumlah Murid Sekolah Agama Jais, Seksyen Data, Bahagian Pendidikan JAIS Tahun 2009.

<sup>53</sup> Penduduk mengikut kumpulan umur, etnik dan jantina daerah-daerah pentadbiran di negeri Selangor tahun 2009, Jabatan Perangkaan Negara Malaysia.

Di samping itu, jumlah guru terlatih di JAIS juga masih tidak mencukupi. Guru terlatih yang sedia ada ialah seramai 1,150 orang (13.2 %), manakala guru yang tidak terlatih ialah 6,763 orang dan guru dalam latihan ialah 783 orang.<sup>54</sup> Oleh itu jumlah guru yang sedang bertugas di sekolah agama JAIS ialah 8,696 orang. Begitu juga dengan kakitangan sokongan yang diperlukan jauh tidak mencukupi dari keperluan sebenar. Keperluan sebenar kakitangan di sekolah agama JAIS ialah 1,034 orang. Namun yang ada hanya 278 orang sahaja. Ini bermakna pentadbiran sekolah agama JAIS masih memerlukan seramai 756 orang kakitangan. Fakta ini secara langsung menjelaskan kepada umum bahawa walaupun Islam telah dinobatkan sebagai agama negeri tetapi keperluan pendidikan Islam masih belum mencukupi. Oleh itu matlamat memelihara agama dalam *maqāsid shar'iyah* akan terjejas.

Di antara cabaran pelaksanaan pendidikan di Malaysia dan khususnya di negeri Selangor ialah pendidikan yang dilaksanakan masih dalam kerangka sistem sekular. Walaupun kurikulum diperkenalkan dengan jenama Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Tetapi bersepadu ini hanya dilihat dengan kewujudan dan pertambahan jenis mata pelajaran berteraskan agama Islam di samping mata pelajaran yang lain dan terpisah antara satu sama lain, sehinggakan pelajaran agama Islam bernaung di bawah falsafah pendidikan Islam yang tersendiri<sup>55</sup> dan mata pelajaran yang lain tidak bernaung di bawah falsafah pendidikan Islam. Malah takrif kurikulum

---

<sup>54</sup>Seramai 771 orang guru mengikuti latihan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS); 26 orang di Universiti Selangor (UNISEL) dan bakinya 10 orang di Kolej Pendidikan Perdana (KOPEDA).

<sup>55</sup> Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah S.W.T yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. Falsafah Pendidikan Islam Malaysia. Sumber Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.



kebangsaan tidak menyatakan bahawa kurikulum tersebut berteraskan ketuhanan seperti yang dinyatakan di dalam falsafah pendidikan negara.<sup>56</sup> Di sinilah titik permulaan terputusnya hubungan antara falsafah pendidikan nasional dengan pelaksanaan pendidikan di sekolah. Oleh yang demikian pendidikan berteraskan materialisma, peninggalan Inggeris terus berjalan. Lebih malang lagi pendidikan Islam adalah sekadar mata pelajaran dan bukan satu sistem.<sup>57</sup> Sepatutnya pendidikan Islam merupakan sistem pendidikan, seperti yang dikehendaki di dalam semangat falsafah pendidikan negara.

Natijahnya para pelajar tidak merasakan keagungan tuhan tetapi hanya melihat kehebatan benda dan kejaguan para cendekiawan barat semata-mata. Justeru mereka tidak mengenali Allah S.W.T dalam mata pelajaran sains, matematik dan lain-lain. Fenomena ini menyebabkan pendidikan agama dan akademik terpisah dalam sistem pendidikan negara. Kedudukan ini menjelaskan bahawa secara praktiknya, pengaruh sekularisma peninggalan Inggeris masih bertapak kukuh dalam sistem pendidikan negara.

Keadaan ini berpanjangan apabila para pendidik meneruskan tradisi pengajaran dan pembelajaran yang mereka warisi dari guru-guru mereka sama ada dari dalam atau luar negara. Sebagaimana guru mereka mengajar mereka, maka begitu jugalah mereka sampaikan kepada para pelajar, dan perkara ini berpanjangan sehingga hari ini.

---

<sup>56</sup> Fasal 3 Peraturan – Peraturan Pendidikan (kurikulum) Kebangsaan 1997. Kurikulum kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

<sup>57</sup> Jadual 1, Matapelajaran Teras Peringkat Rendah, Jadual 5 Matapelajaran Teras Sekolah Menengah, Jadual 9 Matapelajaran Elektif Peringkat Menengah Atas dan Jadual 10 Mata Pelajaran Peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Tingkatan Enam, Peraturan – Peraturan Pendidikan (kurikulum) Kebangsaan 1997.

Sebagaimana yang diketahui umum, sumber ilmu di zaman moden ini adalah barat. Barat pada lazimnya dikuasai oleh orang Yahudi dan Kristian. Sedangkan mereka sentiasa mengajak manusia menyembah makhluk (material) sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah S.W.T :

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ

*“Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah".*

(Surah ‘Ali Imran 3: 79)

Oleh yang demikian hasrat falsafah pendidikan negara tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Pendidikan berasaskan ketuhanan atau rabbani akan melahirkan manusia yang menyembah Allah S.W.T dan memiliki nilai-nilai kemanusiaan. Kegagalan melaksanakan sistem ini akan melahirkan generasi menyembah harta benda dan akan melahirkan manusia yang berjiwa haiwan.<sup>58</sup> Kenyataan ini dijelaskan oleh Allah S.W.T :

---

<sup>58</sup>Seramai 17,303 anak luar nikah Melayu atau tidak sah taraf didaftarkan di seluruh negara sepanjang tahun lalu. Ini bermakna secara puratanya 47 orang anak luar nikah dilahirkan tiap-tiap hari di Malaysia. Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Datuk Alwi Ibrahim, berkata bilangan itu meningkat 762 kes berbanding tahun sebelumnya. Pada 2008, seramai 16,541 anak luar nikah didaftarkan di JPN manakala pada 2007 seramai 16,100 orang. tahun lalu, JPN mencatatkan 74,723 pendaftaran anak luar nikah adalah membabitkan orang Melayu/Islam. “Sepanjang tempoh ini, 214,033 bayi pelbagai bangsa didaftarkan dengan status anak tidak sah taraf, termasuk kes anak yang tidak berbapa 104,834 orang dan 109,199 orang mengikut Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299),” katanya kepada media. Utusan Malaysia, 22 Mac 2010.

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ  
 أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ<sup>ج</sup>  
 أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

“Dan sesungguhnya kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka Itulah orang-orang yang lalai.”

(Surah al-A'raf (7 ):179)

**Jadual 3.4: Jumlah Penagih Dadah Mengikut Umur Ketika dikesan dari Tahun 2002 Hingga 2008.**

UMUR TAHUN	13 -15 TAHUN	16 - 19 TAHUN
2002	109	2,010
2003	103	2,094
2004	105	2007
2005	82	1275
2006	50	1051
2007	28	611
2008	11	464

Sumber : Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri.

Oleh itu, bukan satu perkara yang menghairankan apabila jenayah moral berlaku di kalangan pelajar umpamanya dalam kes penagihan najis dadah. Jadual 3.3 di atas menunjukkan penagihan dadah dikesan di peringkat sekolah. Walaupun data menunjukkan ada penurunan bilangan penagih tetapi ia masih berlaku. Malah ajaran sesat juga merebak di sekolah.<sup>59</sup> Kemuncak kepada jenayah moral dan sesat adalah jenayah murtad. Justeru Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia telah

<sup>59</sup> Laporan Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat peringkat Kebangsaan (JAPAS) pada 25 November 2000, mengesahkan sebahagian kecil guru di Kementerian Pelajaran Malaysia terlibat dengan ajaran sesat.

menubuhkan Unit Kawalan Akidah<sup>60</sup> dan ia diwujudkan di setiap Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengatasi masalah ini.<sup>61</sup>

Analogi ini dibuktikan dengan satu kajian di Seremban, Negeri Sembilan yang mendapati bahawa seorang daripada enam remaja Islam (1:6) yang berumur antara 18 hingga 35 tahun amat berpotensi untuk murtad. Keadaan ini amat membimbangkan. Malah kajian ini menunjukkan bahawa amalan agama tiada hubungan yang signifikan dengan jenayah murtad. Oleh itu seseorang yang memiliki latar belakang pegangan agama yang baik seperti bekas pelajar sekolah agama juga boleh terjebak dengan kes murtad.<sup>62</sup> Dapatan ini disahkan melalui temuramah penulis dengan seorang pelatih Pusat Pemantapan Akidah Jabatan Agama Islam Selangor apabila beliau mengakui bahawa walaupun beliau berlatar belakang sekolah agama dan menghafaz al-Quran tetapi beliau tetap terjebak dengan jenayah zina.<sup>63</sup>

### **3.2.1 Pendidikan Muallaf**

Pendidikan muallaf di negeri Selangor dinyatakan di dalam seksyen 27(1) Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan pengajaran Bagi Muallaf Negeri Selangor 2009. Oleh itu Majlis hendaklah menyediakan apa-apa bentuk bimbingan

---

<sup>60</sup> Manual Prosedur Kerja Bahagian Pendidikan Islam, Edisi Kemas Kini, Februari 2009.

<sup>61</sup> Roslan B. A.Rahman (Penolong Pengarah Kanan, Unit Pengoperasian Dasar, Sektor Operasi Pendidikan, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Islam Malaysia), temubual dibuat pada 19 Januari 2010. Sila rujuk juga Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pencegahan Ajaran Sesat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bersama agensi lain Bil 1/99 bertarikh 26 Oktober 1999 dan Minit Mesyuarat Pencegahan Ajaran Sesat Kementerian Pendidikan Bil 1/2000 pada 26 Januari 2000.

<sup>62</sup> Haslina Ibrahim & Mariam Adawiyah Zulkifli, *Memahami gejala Murtad : Indeks Kefahaman dan Pengamalan Serta Kesanya terhadap Komitmen Akidah Dalam Kalangan Golongan Muda Islam di Seremban*, Jabatan Mufti Negeri Sembilan, hh. 88 - 89.

<sup>63</sup> Pelatih Pusat Pemantapan Akidah, Hulu Yam Selangor, temubual dibuat pada 14 Januari 2010.

kepada para Muallaf. Disamping itu para Muallaf diwajibkan mengikuti kursus bimbingan asas yang disediakan oleh MAIS. Kegagalan mereka berbuat demikian boleh menyebabkan bantuan yang diterima akan diberhentikan oleh MAIS.<sup>64</sup> Pendidikan para Muallaf dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Insan MAIS. Peraturan yang ada juga menghendaki MAIS menyediakan pusat bimbingan<sup>65</sup> kepada para muallaf dan tenaga pengajar bagi membimbing mereka.<sup>66</sup> Peruntukan peraturan yang sedia ada jelas menunjukkan bahawa semua muallaf di negeri Selangor dikehendaki mengikuti kelas pengajian yang telah ditetapkan. Malah bantuan diberikan kepada mereka untuk mendapatkan khidmat pendidikan secara percuma kerana dibiayai oleh MAIS. Begitu juga dengan kurikulum pendidikan yang teratur bagi memastikan para muallaf menguasai asas fardhu ‘ain apabila mereka memeluk agama Islam.<sup>67</sup>

Kegagalan sistem pendidikan muallaf akan menyebabkan berlaku jenayah murtad di kalangan saudara baru, seperti di dalam kes Fatimah Tan di Pulau Pinang.<sup>68</sup> Begitu juga rumusan kajian yang dibuat oleh ustaz Azhar Yaakob mendapati seramai 50 orang India Muslim di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah murtad dan mereka adalah di kalangan saudara baru.<sup>69</sup> Antara faktor-faktor yang menyebabkan mereka murtad ialah percintaan, perkahwinan, perceraian, dan perasaan tidak puas hati dengan pentadbiran

---

<sup>64</sup> Seksyen 27 (4), Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan pengajaran Bagi Muallaf Negeri Selangor 2009.

<sup>65</sup> Seksyen 28, Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan pengajaran Bagi Muallaf Negeri Selangor 2009.

<sup>66</sup> Seksyen 29, Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan pengajaran Bagi Muallaf Negeri Selangor 2009.

<sup>67</sup> Ustaz Anuar Hamzah Tohar (Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor), temubual dibuat pada 1 November 2009.

<sup>68</sup> *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Siti Fatimah Tan Binti Abdullah* Dalam Mahkamah Rayuan Syari'ah Di Pulau Pinang Kes Rayuan Mal Bil : 07000-043-0003-2008.

<sup>69</sup> Azhar Yaakob (2000), "Murtad Di Kalangan Saudara Baru Keturuan India: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur", Disertas Master, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur

Jabatan Agama Islam yang mengendalikan kebajikan mereka. Ustaz Azhar juga tidak menafikan ada faktor-faktor luaran yang mempengaruhi mereka untuk murtad seperti pengaruh pergerakan Hinduanisasi dan Kristianisasi serta gaya hidup barat yang melampau.<sup>70</sup> Insiden ini menjadi petunjuk kepada kegagalan usaha dalam mendidik para muallaf terbabit dan ini menyebabkan penghinaan kepada Islam.

Justeru Prof. Madya Dr. Abdul Halim Tamuri, Pengerusi Jawatankuasa Muallaf, MAIS berpendapat masih banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh MAIS bagi membantu para muallaf menguasai Islam sebagai al-din. Antaranya, guru-guru yang sedia ada tidak menguasai asas fardhu 'ain, kekurangan pertubuhan bukan kerajaan bagi menangani isu muallaf dan sikap orang Islam yang berpendapat bahawa Islam adalah hak eksklusif orang Melayu sehingga memandang rendah bangsa asing yang memeluk Islam.<sup>71</sup> Walaubagaimanapun, sikap para muallaf juga antara faktor kegagalan pelaksanaan program pendidikan kepada mereka. Antara masalah yang berlaku ialah keengganan muallaf itu sendiri untuk hadir ke kelas yang disediakan dengan alasan sibuk bekerja.<sup>72</sup>

### **3.2.2 Pemeraksanaan Iman dan *Işlah* Orang Islam**

Usaha pemeraksanaan iman dan *işlah* orang Islam digerakkan oleh MAIS, JAIS, dan pertubuhan bukan kerajaan Islam di negeri Selangor. Aktiviti ini diselaraskan di

---

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> Prof. Madya Dr Abdul Halim Tamuri (Pengerusi Jawatankuasa Muallaf, Majlis Agama Islam Negeri Selangor), Ucapan di dalam Bengkel Sasaran Kerja Tahunan NGO'S Islam 2010, De Palma Inn, Shah Alam.

<sup>72</sup> Santhia Seelan a/l Arumugam. *op. cit.* Beliau mengaku bahawa kakitangan dari pejabat Agama atau PERKIM ada menghubungi beliau melalui telefon untuk hadir ke kelas. Namun beliau enggan hadir dan tidak menjawab panggilan seterusnya dari agensi berkenaan.

peringkat negeri oleh Jawatankuasa Dakwah Negeri yang dipengerusikan oleh Prof.Dato' Dr. Sidek Baba. Walaupun isu dakwah tidak dinyatakan dengan jelas dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) tahun 2003, tetapi JAIS meneruskan usaha dakwahnya dan dibantu dengan gerakan pertubuhan bukan kerajaan. Oleh itu JAIS diberi peruntukan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM1,025,700.00 bagi tahun 2008 dan pada tahun 2009 sebanyak RM 1,525,700.00.<sup>73</sup> Untuk itu lebih daripada 30 jenis program dakwah dilaksanakan sepanjang tahun 2009.<sup>74</sup>

Merujuk kepada aktiviti dakwah yang berkaitan akidah, pihak JAIS telah membuat pemerhatian kepada 59 buah masjid di sekitar negeri Selangor dan mendapati sebanyak 215 jenis pengajian telah dilaksanakan. Namun hanya 10 buah kelas sahaja yang dikendalikan berkaitan dengan akidah. Manakala kelas yang paling tinggi ialah kelas tasawwuf sebanyak 80 kelas dan kelas Fiqh Ibadah sebanyak 53 kelas.<sup>75</sup> Oleh itu, tidak hairanlah mengapa Selangor antara negeri yang subur dengan aktiviti ajaran sesat. Setakat ini terdapat 26 ajaran sesat dikesan di negeri Selangor.<sup>76</sup>

Oleh itu bagi memastikan akidah ahli al-sunnah wal jamaah terus menjadi pegangan orang Islam di negeri Selangor maka JAIS menguatkuasakan undang-undang pemberian tauliah mengajar,<sup>77</sup> bagi mengekang tersebarnya ajaran yang bertentangan

---

<sup>73</sup> Sila lihat Perbelanjaan Bekalan Mengikut Objek Sebagai bagi Tahun 2009, Negeri Selangor, h. 309.

<sup>74</sup> Sila rujuk Senarai Program/Aktiviti Bahagian Dakwah di sepanjang tahun 2009, disediakan oleh Hj. Ahmad Zaki bin Arshad, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah, JAIS, November 2009.

<sup>75</sup> Ahmad Zaki bin Arshad (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah, JAIS), temubual dibuat pada 25 November 2009.

<sup>76</sup> Himpunan Ajaran, Amalan, dan Fahaman Yang Telah Difatwa dan Diwartakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor. Selangor: Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor. *Ibid*, t.n. 2000.

<sup>77</sup> Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008.

dengan kehendak ahli al-sunnah wal jamaah. Sehingga bulan Disember 2009 seramai 1,021 orang telah diberi tauliah mengajar. Namun demikian YB Dr. Hassan Ali berpendapat jumlah ini masih belum mencukupi.<sup>78</sup>

### **3.3 *al-Wiqāyah***

*al-Wiqāyah* atau pencegahan iaitu mencegah atau menghalang<sup>79</sup> orang Islam dari terjebak dengan perlakuan maksiat dan jenayah yang boleh menyebabkan dosa dan dihukum kerana jenayah yang dilakukan. Begitu juga dengan perbuatan bidaah dan sesat termasuk amalan khurafat. Pencegahan daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah S.W.T adalah menjadi fardhu ‘ain bagi setiap orang Islam. Namun demikian, pihak pemerintah juga hendaklah memainkan peranan dalam memastikan rakyat tidak terdorong untuk melakukan perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T, yang akhirnya boleh menyebabkan berlaku jenayah murtad. Di pihak pemerintah, sewajarnya dasar dan undang-undang yang digubal oleh pihak pemerintah mengambil kira konsep menjaga agama sehingga undang-undang yang ada mengutamakan kepentingan agama Islam dan kebaikan manusia sejagat serta menolak kejahatan.

#### **3.3.1 Mengelakkan Umat Islam dari Melakukan Dosa dan Maksiat serta Perkara Bid’ah dan Sesat.**

---

<sup>78</sup> YB. Dato’ Dr. Hassan Ali, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Istiadat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam) Ucapan Sempena Seminar Cinta Dakwah dan Zakat, Jabatan Agama Islam Selangor, Masjid Negeri Shah Alam, 25 Mac 2010.

<sup>79</sup> Noresah Baharom (1994), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 218.



Pencegahan perlakuan maksiat dan dosa, bidaah dan sesat lazimnya dikaitkan dengan dasar dan undang-undang yang diperkenalkan oleh pemerintah. Bagi negeri Selangor, pencegahan kepada perbuatan maksiat dinyatakan dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Ia meliputi jenayah akidah, menghina institusi dan kesucian agama Islam, kesusilaan, kekeluargaan dan lain-lain. Namun demikian Enakmen ini tidak menyentuh maksiat batin seperti mengumpat, riak, ujub dan sebagainya. Oleh itu amat perlu kerajaan mewujudkan dasar gaya hidup Islam bagi memastikan kehidupan berasaskan syariat menjadi amalan masyarakat dalam kehidupan seharian mereka.

Manakala perkara bidaah dan sesat dijelaskan dalam keputusan-keputusan Fatwa mengenai ajaran sesat<sup>80</sup> dan khurafat serta bidaah. Apabila sesuatu fatwa diwartakan maka ia akan menjadi suatu undang-undang dan mana-mana pihak yang melanggarnya, boleh didakwa di mahkamah. Oleh itu perlakuan sesat, khurafat, dan bidaah boleh dibendung dengan penguatkuasaan undang-undang.

Namun demikian, menjadi cabaran kepada semua agensi agama di negeri Selangor kerana konsep *ḥifẓ al-dīn* tidak dihayati sepenuhnya oleh semua agensi kerajaan. Oleh itu terdapat agensi yang membangunkan nilai-nilai keinsanan dan ada

---

<sup>80</sup> Antara ajaran yang telah difatwakan sebagai sesat ialah Tarekat Naksabandiyah Kadirun Yahya, Ajaran Nordin Puteh, Tarikat Mufarduyah, Ajaran Hj Ghazali Othman, Ajaran Zamree Ab Wahab, Fahaman Syiah, Tarikat Al-Hasaniah, Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol, Ajaran Tijah@Khadijah Ali, Ajaran Islam Lamaah, Ajaran Qadani, Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Jonit, Ajaran Ilmu Ahmad Laksaman, Ajaran Tarikat Zikrullah Hassan Anak Rimau, Ajaran Martabat Tujuh, Golongan Anti Hadis, Ajaran Kahar Ahmad, Aurad Ismailiah, Al-Arqam, Ajaran Syed Mohamad Al Masyhor, Ajaran Sulaiman, Ajaran Qadiani dan Ajaran Banuar Roslan. [http: www.muftiselangor.gov.my](http://www.muftiselangor.gov.my), akses pada 2 Jun 2009.

agensi yang meruntuhkannya.<sup>81</sup> Umpamanya, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Agama Islam negeri membangunkan nilai keinsanan tetapi siaran radio dan televisyen sama ada secara langsung atau tidak langsung merosakan akhlak remaja Islam dengan pelbagai program yang melalaikan. Begitu juga dengan dakwah dari pihak-pihak asing seperti permainan konsol PS3 dan XbpX 360 yang bertajuk *Darksider* dan *Dante's Inferno* yang boleh merosakkan akidah para remaja.<sup>82</sup>

Realiti hari ini, program agama kurang mendapat sambutan dari penonton berbanding program hiburan. Buktinya, dari 640 program televisyen di TV 1, TV 2, TV3 dan TV 9 pada minggu yang ke 52 bagi tahun 2009, program agama yang mendapat tontonan tertinggi ialah rancangan al Hidayah pada tangga ke 85.<sup>83</sup> 10 program yang paling berjaya menarik perhatian penonton ialah siaran warta berita dan tayangan filem iaitu tiga program adalah siaran warta berita dan bakinya adalah tayangan filem. Jumlah penonton rancangan al Hidayah hanya 782,328 penonton berbanding filem Mr. Bean iaitu seramai 2,633,401 penonton. Hanya 27 (4.2%) program agama sahaja daripada 640 program yang disiarkan dalam tempoh tersebut.

Malah lebih parah lagi apabila penonton dilambakkan dengan cerita seram yang boleh menyebabkan syirik di kalangan mereka. Mengikut Data AGB Nielson, pada minggu ke 4, bertarikh 28 Januari 2010, Forum Perdana Ehwah Islam hanya mencatat

---

<sup>81</sup> Profesor Dato' Dr. Sidek Baba, Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Negeri Selangor, Forum Seminar Cinta Dakwah dan Zakat, Jabatan Agama Islam Selangor, Masjid Negeri Selangor Darul Ehsan, 25 Mac 2010.

<sup>82</sup> Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhrul Majid, Timbalan Dekan Institut Pemikiran dan Ketamadunan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, berpendapat permainan ini haram dibeli dan dimainkan oleh orang Islam. Idris Musa dan Mohd Izwan Baharin, Bunuh 'Malaikat maut', Harian Metro, 24 Mac 2010.

<sup>83</sup> Laporan Strategic Planning Unit, Utusan Airtime Sdn. Bhd, dari 27/12/2009 - 02/01/2010 (Minggu ke 52 tahun 2009)

rating seramai 541,288 penonton sahaja, sedangkan Drama Seram TV3 bertajuk “Jangan Tegur Lagi” dengan rating 2,471,807 penonton.<sup>84</sup> Kedudukan yang sama pada 11 Februari juga sekali lagi mencatatkan rating yang tinggi untuk Drama Seram TV3 dengan catatan rating mencecah 3 juta penonton (2,982,035 penonton), berbanding rancangan Forum Perdana Ehwat Islam sekitar 599,037 ribu penonton.<sup>85</sup> Begitu juga dengan data bertarikh 18 Februari 2010, apabila Drama Seram TV3 bertajuk “Penunggu Gunung Raya” mencatat rating 2,401,718 juta penonton tetapi penonton rancangan Forum Perdana Hal Ehwat Islam sekitar 491, 053 orang sahaja.<sup>86</sup>

Pemerhatian selama tiga minggu ini jelas menunjukkan bahawa rancangan berunsur agama mendapat rating yang amat rendah berbanding cerita seram yang boleh mengundang masalah syirik kepada penonton Islam. Oleh itu, secara tidak langsung ia menyumbang kepada jenayah murtad di kalangan orang Islam. Sedangkan seksyen 16 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor ) 1995 dengan jelas menghalang apa-apa bentuk terbitan yang bertentangan dengan hukum syarak. Namun tiada apa-apa tindakan diambil kepada penerbit dan penyiar rancangan seperti ini.

### **3.3.2 Undang-undang Melindungi Akidah Islam**

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam mula diperkenalkan pada tahun 1980 di negeri Trengganu dan diikuti negeri Kelantan pada tahun 1981. Manakala Selangor, Perak, Melaka dan Kedah meluluskannya

---

<sup>84</sup> Minggu ke empat, 2010, 24/01/2010 - 30/01/2010, *ibid.*

<sup>85</sup> Minggu ke enam, 07/02/2010 - 13/02/2010, *ibid.*

<sup>86</sup> Minggu ke tujuh, 14/02/2010 - 20/02/2010, *ibid.*

pada tahun 1988, Pahang tahun 1989, Negeri Sembilan dan Johor tahun 1991. Perlis meluluskannya tahun 2001. Kelahiran undang-undang ini adalah berdasarkan saranan yang dibuat oleh Perlembagaan Persekutuan di dalam Perkara 11 (4). Oleh itu Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen ini dengan jelas melindungi akidah orang Islam daripada dicemari dengan dakwah agama bukan Islam. Malah bukan hanya dakwah agama bukan Islam seperti Kristian, Hindu, dan Buddha tetapi juga meliputi apa-apa pegangan ideologi, falsafah atau sistem amalan atau penunaiaan yang tidak diiktiraf oleh Islam.<sup>87</sup>

Enakmen ini dengan tegas, menghalang orang bukan Islam melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang dinyatakan di dalam jadual 3.4 di bawah:

**Jadual 3.5 : Senarai Kesalahan di Dalam Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan di Kalangan Orang Islam, Selangor Tahun 1988.)**

<b>Seksyen</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Hukuman</b>
4.	Memujuk, mempengaruhi dan menghasut orang Islam mengubah keimanannya	Penjara setahun atau denda sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali
5.	Mendedahkan orang Islam belum dewasa kepada pengaruh agama bukan Islam.	Penjara setahun atau denda sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali
6.	Mendedahkan kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai agama bukan Islam.	Penjara enam bulan atau denda lima ribu ringgit atau kedua-duanya sekali
7.	Menghantar atau menyerahkan terbitan-terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada orang Islam.	Penjara tiga bulan atau denda tiga ribu ringgit atau kedua-duanya sekali
8.	Mengedarkan apa terbitan agama bukan Islam ditempat awam.	Denda tidak melebihi seribu ringgit
9.	Kesalahan berhubung dengan perkataan-perkataan dan perbahasan tertentu yang bersumberkan Islam.	Denda tidak melebihi seribu Ringgit

Sumber: Enakmen Agama Bukan Islam ( Kawalan Perkembangan di Kalangan Orang Islam, Selangor Tahun 1988

<sup>87</sup> Seksyen 2, Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Dikalangan orang Islam) Selangor 1988.

Jelas sekali, Enakmen ini amat memenuhi kehendak *maqāṣid shar'iyah* dan sebagai salah satu tuntutan memelihara agama Islam. Malangnya tiada kes yang dibawa ke mahkamah berdasarkan Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di kalangan orang Islam) Selangor 1988.<sup>88</sup> Sedangkan orang Islam sentiasa terdedah dengan ajaran bukan Islam seperti amalan zikir syaitan atau zikir 666 anjuran *Black Metal*, yang boleh menyebabkan penganut membenci tuhan dan tidak mempercayai tuhan.<sup>89</sup>

Di antara persoalan yang timbul di dalam Enakmen ini ialah di bawah bidang kuasa pihak mana untuk menguatkuasakan Enakmen ini, sama ada pihak penguatkuasa JAIS atau pihak Polis Diraja Malaysia? Oleh kerana kes dalam Enakmen ini akan dibicarakan di mahkamah sivil maka sewajarnya pihak polis yang diberi bidang kuasa seperti yang dikehendaki di dalam seksyen 10 Enakmen ini. Namun demikian, kes ini juga berkaitan dengan kepentingan agama Islam, dan kepentingan agama Islam dikendalikan oleh pihak penguatkuasa agama.

Pertikaian bidang kuasa ini memerlukan kerjasama antara pihak penguatkuasa agama dan polis kerana Enakmen ini hanya menyebut Raja boleh memberi tauliah kepada mana-mana penjawat awam. Tambahan pula, isu ini adalah isu sensitif. Namun demikian, sebagai sebuah negeri Islam yang berdaulat sewajarnya kesucian Islam diberi keutamaan sesuai dengan kehendak *maqāṣid shar'iyah*. Sebagaimana negara Komunis juga akan

---

<sup>88</sup> Zohdi Bin Hj Toha, "Murtad dari Perspektif Kehakiman", Kertas Kerja dalam Seminar Krisis Murtad, Persatuan Ulama' Malaysia, Cawangan Selangor, pada 30 Mei 2009, h. 6.

<sup>89</sup> Mohd Jamilul Anbia Md Denin & Amir Abd Hamid, "Zikir Wajib Black Metal", *Harian Metro*, 4 Januari 2010, h.3.

memastikan ideologinya terpelihara maka sewajarnya negara Islam juga mengambil tindakan yang sama.

Fenomena ini menyebabkan orang bukan Islam semakin berani menyebarkan dakwahnya melalui pelbagai cara. Umpamanya pada 18 Mac 2009, Paderi Roman Katholik di Kuala Lumpur iaitu Murphy Pakiam telah memfailkan permohonan semakan penghakiman (*judicial review*) ke atas Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia kerana memutuskan melarang akhbar *The Herald* dari menggunakan kalimah Allah S.W.T di dalam penerbitan edisi bahasa Malaysia akhbar itu. Hakim Datuk Lau Bee Lan memutuskan pada 30 Disember 2009 untuk membenarkan saman pemohon dan memutuskan bahawa keputusan Menteri Dalam Negeri yang melarang penggunaan kalimah Allah S.W.T di dalam akhbar *The Herald* adalah keputusan yang tidak sah, terbatal, dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Keputusan ini sebenarnya telah membelakangkan peruntukan di dalam Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) negeri-negeri di Malaysia dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-82 yang bersidang pada 5 hingga 7 Mei 2008 memutuskan bahawa penggunaan kalimah Allah S.W.T adalah khusus buat agama dan umat Islam sahaja. Oleh itu, ia telah menimbulkan kemarahan umat Islam sehingga berlaku siri demonstrasi dan kemuncaknya, insiden pembakaran beberapa buah gereja di

Lembah Kelang. Isu ini juga telah menarik perhatian para ulamak dari dalam dan luar negara, sehingga Dr. *Yūsuf al-Qarḍhāwī*<sup>90</sup> juga mengulas isu ini.

### **3.4 *al-'Uqūbah***

Setelah perundangan Islam didaulatkan, pendidikan diberikan kepada rakyat dan pencegahan dilakukan secara maksimum tetapi rakyat masih juga melakukan jenayah *riddah* maka adalah menjadi kewajipan kepada pihak pemerintah untuk mengawal jenayah *riddah* ini dari terus merebak dengan mengambil langkah penguatkuasaan undang-undang. Di antara tindakan yang mesti diambil oleh pemerintah ialah menerima aduan, menyiasat aduan, membuat tangkapan, siasatan, mendakwa penjenayah *riddah* di mahkamah dan jika sabit dakwaan yang dikemukakan, mahkamah hendaklah mengeluarkan perintah *istitabah*. Jika pihak tertuduh masih berdegil dengan pendiriannya untuk murtad maka hukuman hendaklah dijatuhkan kepada tertuduh. Malangnya, tiada undang-undang yang memperuntukkan hukuman murtad di negeri Selangor bagi mereka yang disabitkan dengan kesalahan tersebut. Justeru, perbincangan lanjut mengenai isu ini akan diperincikan di dalam bab yang keempat.

### **3.5 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati ada perbezaan dari sudut perundangan dan pelaksanaan perundangan di negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya.

---

<sup>90</sup><http://www.qaradawi.net/site/topics/article.>, akses pada 2 Febuari 2010.

Walaupun perundangan telah meletakkan kedudukan Islam yang amat tinggi tetapi pelaksanaannya masih menggambarkan Islam dalam keadaan naif dan terpinggir. Malah terdapat peruntukan undang-undang yang telah digubal dan amat penting bagi melindungi akidah umat Islam tetapi sehingga hari ini ia masih tidak dikuatkuasakan. Keadaan ini menjadikan Islam dilihat terpinggir di Malaysia dan penghayatan kepada *maqāsid shari'yyah* tidak dapat dicapai sepenuhnya.